

PUISI TRADITIONAL Tingkatan 2
Syair Nasihat (Penghujung Thamarat al-Muhimmah)

| Syair | Maksud Syair |
|--|--------------|
| Tamatlah kitab dikarang orang, akalnya pendek ilmunya kurang, daripada sangat hajatku gerang, diperbuat juga sebarang-barang . | |
| Melepaskan hati yang terbuku, pengajaran kepada sekalian anakku, mudah-mudahan betul tingkah dan laku, perangai yang baik biar terpaku. | |
| Dengarkan tuan ayahanda berperi, kepada anakanda muda bestari, nasihat kebajikan ayahanda beri, amalkan jangan malas dan ngeri. | |
| Ayuhai anakanda muda remaja, jika anakanda menjadi raja, hati yang betul hendaklah disahaja, serta rajin pada bekerja. | |
| Kerja kebajikan janganlah malas, zahir dan batin janganlah culas, jernihkan hati hendaklah ikhlas, seperti air di dalam gelas. | |
| Menuntut ilmu janganlah segan, ilmu yang benar jangan yang bukan, iaitu ilmu yang kebajikan, di kitab ini sudah disebutkan. | |
| Hendaklah anakanda mengaji selalu, dari yang lain lebukkan dulu, had syarak janganlah dilalu, tidaklah anakanda beroleh malu. | |
| Segala perbuatan dengan berilmu, maka kebajikan boleh bertemu, jika sebarang-barang diramu, akhirnya anakanda jatuh tersemu | |
| Ilmu itu benar faedahnya, membezakan hak dengan batilnya, mengetahui rakyat benar salahnya, supaya dihukumkan dengan adilnya. | |

| | |
|---|--|
| Jika ilmu tidak diendah, sebab anakanda capak permudah, rakyat datang membawa gundah, anakanda tercengang tunduk tengadah | |
| Hendak menghukumkan tiada tahu, hendak diam hati tak mahu, berpeluk tubuh tangan ke bahu, mengeluh mengucap mengata Allahu. | |
| Terkadang duduk mendiamkan diri, sepatah tidak mengeluarkan peri, penat duduk bangkit berdiri, lalu masuk ke dalam puri. | |
| Orang berdakwa duduk menanti, serta dengan bersakit hati, hairan takjub tidak mengerti, sebab bicaranya belum pasti. | |
| Terkadang dihukumkan dengan biladah, bukannya syarak bukannya 'adah, ambil lekas jalan yang mudah, supaya jangan berhati gundah. | |
| Jika demikian apa jadinya, hukum tak betul dengan jalannya, di hadapan majlis diterimanya, di belakang kelak diumpatnya. | |
| Jika yang benar kita hukumkan, di belakang jangan kita hiraukan, umpat dan puji kita biarkan, kepada Allah kita syaksikan. | |
| Fasal 1 Jika anakanda jadi menteri, orang berilmu anakanda hampiri, lawan mesyuarat lawan berperi, supaya pekerjaan jadi ugahari | |
| Hendaklah periksa adabnya wazir, di dalam kitab sudah terukir, hendaklah jauhkan pekerjaan mungkir, supaya jangan jadi tergelincir. | |
| <p>(Dipetik daripada antologi Baik Budi, Indah Bahasa, Tingkatan 2, Arah Pendidikan Sdn. Bhd.).</p> | |

1. Tema

Nasihat bapa kepada anak tentang _____

2. Persoalan

- (a) Setiap pemimpin _____
- (b) Pemimpin yang baik ialah _____

- (c) Kerja kebaikan yang dilakukan _____
- (e) Pengadilan dan perbicaraan yang dijalankan _____

- (f) Hukuman yang dijalankan _____
- (g) Ketaatan dan kepatuhan rakyat _____
- (h) Apabila pemimpin bergaul dengan orang yang berilmu, _____

3. Bentuk : _____

- a) Mempunyai _____.
- b) Mempunyai _____ dalam satu rangkap.
- c) Jumlah perkataan antara _____.
- d) Suku kata antara _____

4. Unsur Bunyi

- (a) Asonansi. Contohnya, • _____
- (b) Aliterasi. Contohnya, • _____
- (c) Rima akhir : _____

5. Gaya Bahasa

| Gaya Bahasa | Contoh |
|--|--------|
| Anafora (perulangan pada awal perkataan) | |
| Inversi | |
| Kata ganda | |
| Penggunaan bahasa Arab | |
| Simile | |
| Sinkope | |

6. Nilai dan Pengajaran

| Nilai | Pengajaran |
|-------|-----------------------------|
| | Pemerintah haruslah |
| | Seseorang pemimpin mestilah |
| | Kita hendaklah |
| | Kita perlulah |

**Latihan Tamat
Selamat Maju Jaya
Cikgu Norhairie Nordin**